

19 NOV 1997

Parlimen-Lulus

DEWAN RAKYAT SEBULAT SUARA LULUS USUL PERCAYA KEPADA PM

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Dewan Rakyat malam ini sebulat suara meluluskan usul percaya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan membantah tindakan Amerika Syarikat (AS) untuk menyiasat pelaburan Petronas di Iran.

Usul yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu diluluskan setelah perbahasan lebih empat jam.

Keputusan itu diumumkan Timbalan Speaker Datuk Ong Tee Keat selepas tiada suara bantahan dibuat semasa pengundian dijalankan. Ketika itu tiada seorangpun anggota pembangkang yang terdiri dari DAP, PAS dan PBS berada di dalam dewan kecuali Dr Patau Lubis (STAR-Mas Gading).

Bagaimanapun, PBS yang diketuai Datuk Dr Joseph Pairin Kitingan telah menyatakan sokongannya terhadap usul itu ketika perbahasan.

Dewan Rakyat mempunyai 192 anggota dengan 168 mewakili Barisan Nasional manakala 24 anggota pembangkang. DAP mempunyai sembilan wakil, PAS dan PBS masing-masing tujuh dan STAR seorang.

Pengundian dibuat secara mendapatkan suara yang menyatakan "sokong" atau "tidak" dan apabila suara yang menyokong sahaja yang kedengaran, Ong mengumumkan usul itu lulus sebulat suara.

Anggota-anggota BN yang berada di dalam dewan menepuk meja -- sebagai tanda permuafakatan telahpun tercapai dalam usaha memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Usul itu sebagai menyatakan bantahan rakyat Malaysia terhadap tindakan 34 anggota Kongres AS yang menuntut Dr Mahathir meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan kerana didakwa membuat kenyataan anti-Yahudi sedangkan Dr Mahathir telah berkali-kali menjelaskan yang kenyataannya telah disalah-ertikan dan beliau bukan anti-Yahudi.

Usul itu juga bagi membantah tindakan AS yang cuba menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya terhadap Petronas kerana melabur lebih daripada AS\$20 juta dalam satu projek usahasama gas di Iran.

Semasa menggulung perbahasan mengenai usul itu, Anwar membidas DAP dan PAS yang enggan secara terbuka menyatakan sokongan mereka kepada Dr Mahathir.

DAP, katanya, lebih mempercayai kenyataan media dan pemimpin Barat daripada penjelasan yang dibuat Dr Mahathir bahawa beliau bukan anti-Yahudi.

"Malah, mereka mendakwa kita cuba mengalih perhatian rakyat daripada permasalahan yang dihadapi negara kini, misalnya dalam soal kejatuhan nilai ringgit. Ada juga yang menuduh bahawa usul ini bertujuan memerangkap pembangkang untuk menyokong Dr Mahathir," katanya.

Anwar turut membidas Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang yang mendakwa kononnya Malaysia mempunyai perjanjian "intra-sulit" dengan Amerika Syarikat.

Katanya, beliau juga pelik dengan sikap Abdul Hadi yang enggan menyatakan sokongan bagi pihak parti itu dalam perbahasannya sedangkan Mursyidul Am parti itu, yang juga Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat telahpun menanda tangani surat sokongan bersama-sama Menteri Besar dan Ketua Menteri lain.

"Jadi saya ingin perbetulkan pandangan anggota dari Marang (Abdul Hadi) yang seperti biasa sentiasa berbeza pandangan dengan Mursyidul Amnya. Jadi kita lihat percanggahan sedemikian rupa antara dua tokoh pemimpin PAS. Seorang beri tanda tangannya atas nama Menteri Besar...saya lihat surat

sokongan yang ada tandatangan beliau (Nik Aziz) sah...tetapi seorang lagi mempertikaikan pulak. Macam mana dalam satu parti ada dua mazhab," kata Anwar disambut gelak ketawa anggota dewan.

Mengenai dakwaan Abdul Hadi itu, Anwar berkata : "Saya tak tahu dari mana dia korek perjanjian ini. Inilah cara politik yang cukup tidak sihat... satu permainan untuk cuba mengusik perasaan rakyat daripada menyatakan kesetiaan pada kerajaan."

Persidangan dewan disambung esok. -- BERNAMA

TEAM NMO